



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH PENGGUNAAN MEDIA PERSEMBAHAN DAN MOTIVASI  
BELAJAR TERHADAP PRESTASI PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH KEJURUAN  
DI ACEH UTARA**

**TAUFIK HIDAYAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2017**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun





ptbupsi



## ABSTRAK

*PowerPoint* adalah salah satu alat bantuan mengajar yang penting untuk meningkatkan minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran vokasional pada masa kini. Namun demikian, penggunaan teknologi *PowerPoint* masih kurang meluas di Aceh Utara. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh penggunaan media persembahan dan motivasi belajar terhadap prestasi pelajar sekolah menengah kejuruan di Aceh Utara, Aceh, Indonesia. Kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan dan dokumen gred pelajar digunakan dalam mengumpul data kajian. Seramai 124 guru dan 321 pelajar daripada empat buah sekolah menengah kejuruan telah dipilih sebagai sampel. Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan persampelan rawak kelompok. Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhan penggunaan media *PowerPoint* daripada aspek kemudahan dan kegunaan mendapati berada pada tahap tinggi dan untuk pelajar juga mendapati berada pada tahap tinggi. Ujian motivasi belajar dalam kalangan pelajar juga mendapati pada tahap tinggi kecuali pada aspek afektif mendapati tahap sederhana. Terdapat hubungan yang signifikan antara media *PowerPoint* terhadap prestasi pelajar. Manakala motivasi belajar dengan prestasi pelajar mendapati terdapat hubungan yang signifikan. Pengaruh penggunaan media *PowerPoint* dan motivasi belajar terhadap prestasi pelajar pula, mendapati hanya pemboleh ubah Penggunaan media *PowerPoint* sahaja yang menjadi faktor peramal kepada prestasi pelajar. Penggunaan media *PowerPoint* mendapati terdapat hubungan dan boleh mempengaruhi kepada prestasi pelajar. Implikasi untuk guru, sekolah, kerajaan dan penyelidikan masa depan dibincangkan. Sekolah, guru, dan kerajaan perlu menyedari tentang hubungan antara beberapa pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini. Oleh itu, penggunaan media *PowerPoint* di sekolah menengah kejuruan di Aceh Utara harus digalakkan.





## THE EFFECT ON THE USE OF PRESENTATION MEDIA AND MOTIVATION TOWARD STUDENTS' ACHIEVEMENT AT VOCATIONAL HIGH SCHOOLS IN NORTH ACEH

### ABSTRACT

PowerPoint is one of the important teaching aids to enhance students' interest in learning and teaching vocational nowadays. However, the use of PowerPoint is still less widespread in North Aceh. The aim of this study was to identify influences of media presentation and motivation toward achievement of vocational high school students in North Aceh, Aceh, Indonesia. A Quantitative methods in the form of reviews and documents grade students collect data used in the study. A total of 124 teachers and 321 students from four vocational high schools have been selected as a sample. The sample in this study using cluster random sampling. The study found that overall media use PowerPoint in terms of convenience and usability found to be at a high level and the students also found to be at a high level. Test motivation among students is also found at high levels except at the level of simple affective aspects. There is a correlation between media PowerPoint on student achievement. While the motivation and the achievement of students found a significant relationship. The influence of the media PowerPoint and motivation on the performance of students, found only variables Use PowerPoint media were the only predictive factors on the performance of students. Use PowerPoint media have found there is a relationship and can affect the performance of students. Implication for teacher, school, government and on future research are discussed. Schools, teachers and government need to be aware of relationship among some of variables examined in the present study. Therefore, the use of PowerPoint in vocational high schools in North Aceh should be encouraged.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                          |     |
|--------------------------|-----|
| <b>PENGAKUAN</b>         | ii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>       | iii |
| <b>DEDIKASI</b>          | iv  |
| <b>ABSTRAK</b>           | v   |
| <b>ABSTRACT</b>          | vi  |
| <b>KANDUNGAN</b>         | vii |
| <b>SENARAI JADUAL</b>    | xii |
| <b>SENARAI RAJAH</b>     | xiv |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b> | xv  |
| <b>SENARAI SIMBOL</b>    | xvi |

### BAB I PENGENALAN

|     |                       |    |
|-----|-----------------------|----|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1  |
| 1.2 | Pernyataan Masalah    | 10 |
| 1.3 | Objektif Kajian       | 13 |
| 1.4 | Persoalan Kajian      | 14 |
| 1.5 | Hipotesis Kajian      | 15 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian    | 16 |
| 1.7 | Batasan Kajian        | 17 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

|       |                             |    |
|-------|-----------------------------|----|
| 1.8   | Definisi Operasional        | 18 |
| 1.8.1 | Media <del>PowerPoint</del> | 18 |
| 1.8.2 | Motivasi Belajar            | 19 |
| 1.8.3 | Prestasi Pelajar            | 19 |
| 1.9   | Kerangka Konseptual Kajian  | 21 |
| 1.10  | Rumusan                     | 23 |

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

|       |                                                                      |    |
|-------|----------------------------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                                           | 25 |
| 2.2   | Teori Pembelajaran                                                   | 25 |
| 2.2.1 | Teori Pembelajaran Behaviourisme (Tingkah Laku)                      | 26 |
| 2.2.2 | Aplikasi Teori Behaviourisme Dalam Reka Bentuk Perisian Multimedia   | 29 |
| 2.2.3 | Teori Pembelajaran Konstruktivisme                                   | 29 |
| 2.2.4 | Aplikasi Teori Konstruktivisme Dalam Reka Bentuk Perisian Multimedia | 32 |
| 2.3   | Media Pembelajaran                                                   | 33 |
| 2.3.1 | Definisi Media Pembelajaran                                          | 35 |
| 2.3.2 | Perkaitan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran                | 37 |
| 2.3.3 | Teori Penggunaan Media Pembelajaran                                  | 39 |
| 2.3.4 | Jenis-Jenis Media Pembelajaran                                       | 42 |
| 2.3.5 | Asas Pemilihan Media                                                 | 45 |
| 2.3.6 | Penggunaan Media Pembelajaran                                        | 48 |
| 2.3.7 | Fungsi dan Manfaat Media Pembelajaran                                | 50 |

|       |                                                             |    |
|-------|-------------------------------------------------------------|----|
| 2.3.8 | Multimedia                                                  | 53 |
| 2.4   | Media <i>PowerPoint</i>                                     | 56 |
| 2.4.1 | Sejarah dan Perkembangan <i>PowerPoint</i>                  | 57 |
| 2.4.2 | Penggunaan Media <i>PowerPoint</i>                          | 58 |
| 2.4.3 | Kelebihan dan Kelemahan Media <i>PowerPoint</i>             | 59 |
| 2.5   | Motivasi Belajar                                            | 62 |
| 2.5.1 | Definisi Motivasi                                           | 63 |
| 2.5.2 | Jenis-Jenis Motivasi                                        | 65 |
| 2.5.3 | Fungsi Motivasi Dalam Pembelajaran                          | 66 |
| 2.5.4 | Peranan Motivasi Dalam Pembelajaran                         | 66 |
| 2.5.5 | Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Dalam Pembelajaran | 67 |
| 2.6   | Prestasi Pelajar                                            | 70 |
| 2.6.1 | Definisi Prestasi Pelajar                                   | 71 |
| 2.6.2 | Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar                   | 72 |
| 2.6.3 | Pengukuran Prestasi Pelajar                                 | 73 |
| 2.7   | Kajian Lepas Dalam Negara                                   | 76 |
| 2.8   | Kajian Lepas Luar Negara                                    | 84 |
| 2.9   | Rumusan                                                     | 95 |

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

|     |                     |    |
|-----|---------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan          | 96 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian  | 96 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel | 98 |

|       |                                                                  |     |
|-------|------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.3.1 | Populasi                                                         | 99  |
| 3.3.2 | Sampel                                                           | 101 |
| 3.4   | Instrumen Kajian                                                 | 105 |
| 3.4.1 | Borang Soal Selidik Demografi Guru                               | 106 |
| 3.4.2 | Borang Soal Selidik Demografi Pelajar                            | 106 |
| 3.4.3 | Borang Soal Selidik Penggunaan Media PowerPoint Guru dan Pelajar | 106 |
| 3.4.4 | Borang Soal Selidik Motivasi Belajar                             | 107 |
| 3.5   | Kajian Rintis                                                    | 112 |
| 3.6   | Kesahan dan Kebolehpercayaan                                     | 113 |
| 3.7   | Prosedur Pengumpulan Data                                        | 118 |
| 3.7.1 | Pemerolehan Kebenaran                                            | 118 |
| 3.7.2 | Kaedah Pengumpulan Data                                          | 118 |
| 3.8   | Analisis Data                                                    | 119 |
| 3.8.1 | Penyediaan Data                                                  | 120 |
| 3.8.2 | Analisis Deskriptif                                              | 120 |
| 3.8.3 | <i>Normality</i>                                                 | 122 |
| 3.8.4 | Ujian <i>Linearity</i>                                           | 123 |
| 3.8.5 | Ujian <i>Multicollinearity</i>                                   | 124 |
| 3.8.6 | Ujian Autokorelasi                                               | 126 |
| 3.9   | Rumusan                                                          | 127 |

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 4.1 | Pengenalan | 128 |
|-----|------------|-----|

|       |                                                                                                                             |     |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.2   | Analisis Deskriptif                                                                                                         | 129 |
| 4.2.1 | Profil Responden                                                                                                            | 129 |
| 4.2.2 | Profil Responden Guru                                                                                                       | 130 |
| 4.2.3 | Profil Responden Pelajar                                                                                                    | 132 |
| 4.3   | Analisis Persoalan Penyelidikan                                                                                             | 134 |
| 4.3.1 | Persoalan Penyelidikan 1: Tahap Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Guru                                      | 134 |
| 4.3.2 | Persoalan Penyelidikan 2: Tahap Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Dalam kalangan Pelajar              | 140 |
| 4.3.3 | Persoalan Penyelidikan 3: Tahap Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar                                                     | 146 |
| 4.3.4 | Persoalan Penyelidikan 4: Tahap Prestasi Pelajar                                                                            | 154 |
| 4.3.5 | Persoalan Penyelidikan 5: Hubungan Antara Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dengan Prestasi Pelajar                        | 155 |
| 4.3.6 | Persoalan Penyelidikan 6: Hubungan Antara Motivasi Belajar dengan Prestasi Pelajar                                          | 156 |
| 4.3.7 | Persoalan Penyelidikan 7: Pengaruh Antara Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Terhadap Prestasi Pelajar | 157 |
| 4.4   | Rumusan                                                                                                                     | 158 |

## BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

|       |                                                              |     |
|-------|--------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1   | Pengenalan                                                   | 160 |
| 5.2   | Ringkasan Kajian                                             | 161 |
| 5.3   | Perbincangan Dapatan Kajian                                  | 163 |
| 5.3.1 | Tahap Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Guru | 164 |

|       |                                                                                                   |     |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.3.2 | Tahap Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar              | 166 |
| 5.3.3 | Hubungan Antara Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Terhadap Prestasi Pelajar | 168 |
| 5.3.4 | Pengaruh Penggunaan media <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Terhadap Prestasi pelajar        | 169 |
| 5.4   | Implikasi Kajian                                                                                  | 171 |
| 5.4.1 | Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (Kementerian Pelajaran)                                     | 171 |
| 5.4.2 | Dinas pendidikan, Pemudah dan Olahraga Aceh Utara                                                 | 172 |
| 5.4.3 | Pihak Sekolah                                                                                     | 173 |
| 5.4.4 | Guru                                                                                              | 173 |
| 5.4.5 | Pelajar                                                                                           | 174 |
| 5.5   | Cadangan Kajian Lanjutan                                                                          | 175 |
| 5.6   | Rumusan                                                                                           | 176 |

|                |            |
|----------------|------------|
| <b>RUJUKAN</b> | <b>177</b> |
|----------------|------------|

|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>LAMPIRAN</b> |  |
|-----------------|--|



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL

### No. Jadual

### Muka Surat

|      |                                                                                                           |     |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 3.1  | Jumlah Populasi Guru dan Pelajar Mengikut Sekolah dan Wilayah                                             | 100 |
| 3.2  | Jumlah Saiz Sampel Guru dan Pelajar                                                                       | 104 |
| 3.3  | Senarai Komponen Motivasi dan Strategi Pembelajaran Dalam MSLQ                                            | 108 |
| 3.4  | Item-item Motivasi Belajar                                                                                | 110 |
| 3.5  | Skala Likert                                                                                              | 111 |
| 3.6  | Kajian Rintis                                                                                             | 113 |
| 3.7  | Skala Pekali Kebolehppercayaan Borang Soal Selidik Guru                                                   | 117 |
| 3.8  | Skala Pekali Kebolehppercayaan Borang Soal Selidik Pelajar                                                | 117 |
| 3.9  | Interpretasi Julat Skor Min                                                                               | 121 |
| 3.10 | Interpretasi Tahap Prestasi Pelajar/Gred Pelajar                                                          | 122 |
| 3.11 | Ujian <i>One Sampel Kolmogorov-Smirnov</i>                                                                | 123 |
| 3.12 | Ujian <i>Linearity</i>                                                                                    | 124 |
| 3.13 | Ujian <i>Multicollinearity</i>                                                                            | 125 |
| 3.14 | Ujian Autokorelasi                                                                                        | 126 |
| 4.1  | Profil Responden Guru                                                                                     | 130 |
| 4.2  | Profil Responden Pelajar                                                                                  | 132 |
| 4.3  | Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Guru                       | 135 |
| 4.4  | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Persepsi Kemudahan Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Guru | 137 |

|      |                                                                                                                                 |     |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 4.5  | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Persepsi Kegunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Guru                                   | 139 |
| 4.6  | Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar                     | 141 |
| 4.7  | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Persepsi Kemudahan Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Pelajar                    | 143 |
| 4.8  | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Persepsi Kegunaan Media <i>PowerPoint</i> Dalam Kalangan Pelajar                                | 145 |
| 4.9  | Min dan Sisihan Piawai Tahap Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar                                                            | 146 |
| 4.10 | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Motivasi Belajar Aspek Nilai                                                                    | 148 |
| 4.11 | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Motivasi Belajar Aspek Jangkaan                                                                 | 151 |
| 4.12 | Kekerapan, Peratus dan Skor Min Motivasi Belajar Aspek Afektif                                                                  | 154 |
| 4.13 | Min dan Sisihan Piawai Tahap Prestasi Pelajar                                                                                   | 155 |
| 4.14 | Hubungan Antara Penggunaan Media <i>PowerPoint</i> dengan Prestasi Pelajar                                                      | 156 |
| 4.15 | Hubungan Antara Motivasi Belajar dengan Prestasi Pelajar                                                                        | 157 |
| 4.16 | Ringkasan Analisis Regresi Pelbagai <i>Stepwise</i> Penggunaan <i>PowerPoint</i> dan Motivasi Belajar Terhadap Prestasi Pelajar | 158 |



## SENARAI RAJAH

| No. Rajah                         | Muka Surat |
|-----------------------------------|------------|
| 1.1 Kerangka Konseptual Kajian    | 22         |
| 2.1 Segitiga Dale                 | 42         |
| 3.1 Prosedur Persampelan Kelompok | 103        |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

ICT *Information and Communications Technology*

TMK Teknologi Maklumat dan Komunikasi

UN Ujian Nasional

N Populasi

N Sampel

*P* *Probability*

*R* Korelasi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

*df* Darjah Kebebasan

SP Sisihan Piawai

VIF *Variance Inflation Factor*

SMA Sekolah Menengah Atas

AECT *Association for Educational Communications and Technology*

Sig. Signifikan

SPSS *Statistical Package for Social Science*

UAS Ujian Akhir Nasional

BBM Bahan Bantu Mengajar

SMP Sekolah Menengah Pertama

PKSR Penilaian Kurikulum Sekolah Rendah

SMV Sekolah Menengah Vokasional/ Indonesia dikenali SMK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun





ptbupsi

MSLQ *Motivated Strategies for Learning Questionnaire*



## SENARAI SIMBOL

|          |                                                     |
|----------|-----------------------------------------------------|
| %        | <i>Percentage</i>                                   |
| <        | <i>Less than</i>                                    |
| >        | <i>More than</i>                                    |
| $\alpha$ | <i>Cronbach's index of internal consistency</i>     |
| $\beta$  | <i>Population values of regression coefficients</i> |
| F        | <i>F distribution, fisher's F ration</i>            |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI LAMPIRAN**

|   |                                                        |     |
|---|--------------------------------------------------------|-----|
| A | Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan          | 196 |
| B | Borang Pengesahan Pakar Instrumen                      | 202 |
| C | Borang Persetujuan Instrumen dan <i>Inform Consent</i> | 209 |
| D | Borang Soal Selidik Guru dan Pelajar                   | 212 |
| E | Peta Kedudukan Aceh Utara                              | 221 |
| F | <i>Design/ Rekabentuk PowerPoint</i>                   | 223 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional setiap pemboleh ubah dan kerangka konseptual kajian. Rumusan bab ini juga disampaikan pada akhir bab.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Pembelajaran merupakan salah satu daripada elemen yang sangat diperlukan seseorang dalam rangka realisasi diri. Aktiviti pembelajaran dijangka dapat membangunkan pelbagai aspek, antara lain: kognitif, afektif, psikomotor, rohani dan sosial. Untuk melakukan proses pembelajaran yang baik, perlu ada kesinambungan

dengan komponen-komponen yang berkaitan seperti: kurikulum, kaedah mengajar, sistem pembelajaran, iklim pembelajaran yang sejuk dan selesa, kondusif dan media pembelajaran yang mewakili keperluan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara pelaksanaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), ialah literasi *Information and Communication Technology* (ICT) untuk semua murid memperoleh kemahiran dalam menggunakan ICT, mengutamakan peranan dan fungsi sebagai alat dalam pengajaran dan pembelajaran dan menekankan penggunaan ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan dalam sistem pengurusan (KPM, 2006).

Malaysia dan Indonesia merupakan dua negara mempunyai rumpun yang sama, kawasan bersebelahan, bahasa yang hampir sama, serta pelbagai budaya yang juga hampir sama. Begitu juga dengan bidang pendidikan antara Malaysia dan Indonesia kedua-duanya mempunyai perhatian yang besar dalam bidang pendidikan. Pendidikan di Indonesia merangkumi pendidikan keseluruhan yang dianjurkan oleh sama ada berstruktur atau tidak. Pendidikan yang ada di Indonesia berkuat kuasa berada pada Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia (Kemendikbud).

Pendidikan di Indonesia telah ditetapkan berdasarkan kepada undang-undang No 20 tahun 2003 mengenai Sistem Pendidikan Nasional. Kurikulum yang digunakan di Indonesia sentiasa menjalani tujuan pembaharuan dan penambahbaikan selaras dengan keperluan masyarakat. Kurikulum pendidikan yang digunakan iaitu kurikulum 2013 yang pada awalnya iaitu Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP). Begitu juga halnya dengan Indonesia, Malaysia pun mempunyai beberapa kesamaan seperti

jenjang pendidikan, pusat pendidikan dan jenis pendidikan. Secara keseluruhannya kedua-dua negara hampir mempunyai persamaan dari segi tahap dan pusat yang digunakan. Terlepas dari hal tersebut, kedua-dua negara sama-sama menumpukan perhatian penuh untuk merealisasikan pendidikan kondusif suatu negara, agar mampu mencetak agen-agen pewaris negara yang berkualiti dan mampu membawa negara ke arah lebih baik.

Dalam era pembangunan sains dan teknologi, keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan supaya seimbang sehingga boleh menjana sumber manusia yang berkecukupan adalah penting. Menurut Norton dan Wiburg (2003), di negara Barat peningkatan pengintegrasian ICT dalam bilik darjah amat memberangsangkan sejak tiga puluh tahun yang lepas. Jika diperhatikan dengan teliti, hakikat yang boleh kita kesan adalah pendidikan Indonesia sehingga sekarang ini masih ketinggalan dalam mengimbangkan elemen-elemen pendidikan. Ini berdasarkan laporan tahunan dari badan dunia UNESCO pada tahun 2012 di mana pendidikan di Indonesia berada pada peringkat ke 64 dari 120 negara di dunia (Muhammad Hamid, 2013).

Pendidikan hari ini boleh meningkatkan keupayaan seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi yang sedia ada, ini adalah punca seseorang tidak boleh dipisahkan daripada pendidikan kerana pendidikan merupakan penggerak penting dalam membangun sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran serta berinovasi (Ramlee Mustapha, 2013). Dalam pendidikan, terdapat parameter yang boleh digunakan untuk menilai tingkat keberhasilan pendidikan iaitu dengan hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran ialah perubahan dalam perilaku yang berkaitan dengan aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Nana Sudjana, 2005). Dalam

menerapkan aspek kognitif, afektif dan psikomotorik terdapat beberapa halangan yang berpunca daripada beberapa faktor seperti halangan psikologi (minat, sikap, keyakinan dan motivasi), halangan fizikal (keletihan, keterbatasan alat deria dan keadaan kesihatan pelajar) serta halangan persekitaran sekolah (M Ngalim Purwanto, 2006).

Menurut Oemar Hamalik (2008), penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membangkitkan keinginan dan minat yang baharu, dapat membangkitkan motivasi dan rangsangan dalam aktiviti pembelajaran serta boleh membawa pengaruh psikologi kepada pelajar. Penggunaan media merupakan satu alternatif dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil dan proses yang merangkumi sumber pembelajaran, di mana guru dan pelajar dikehendaki aktif menggunakan media. Kerajaan telah lama sedar bahawa peranan media dalam pengajaran dan pembelajaran penting bagi meningkatkan prestasi pelajar. Salah satunya dengan menambah belanjawan untuk penambahbaikan sarana dan prasarana dalam menyokong pengajaran yang berasaskan ICT. Masalah ini adalah selaras dengan Undang-Undang No 20 tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional bahawa kerajaan harus membiayai pendidikan asas dan memajukan sains dan teknologi untuk perkembangan tamadun dan kesejahteraan umat manusia.

Berdasarkan pendekatan teknologi pendidikan, penggunaan media pembelajaran menjadi daya tarikan tersendiri untuk dunia pendidikan. Ini disebabkan oleh peranannya bukan hanya sebagai alat bantu mengajar, tetapi juga sebagai alat penyalur fakta-fakta berupa pesanan dalam pendidikan. Penggunaan media pembelajaran berfungsi dalam mengendalikan masalah kekurangan tenaga pengajar kerana ia dapat menggantikan tenaga pengajar dalam menangani pelajar dalam bilik

darjah. Oleh itu, guru tidak boleh disifatkan sebagai satu-satunya sumber pembelajaran, kerana terdapat pelbagai sumber lain seperti: buku teks, persekitaran alam, media masa cetak dan media masa elektronik yang boleh memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Thoifuri, 2007).

Berdasarkan kepada kepentingan untuk memenuhi peranti media, kerajaan Indonesia telah membuat peraturan-peraturan khusus yang terkandung dalam Undang-Undang Republik Indonesia, No. 20 tahun 2003, tentang Sistem Pendidikan Nasional dalam Bab XII pasal 45, menyatakan sebarang unit pendidikan formal dan non formal menyediakan kemudahan dan prasarana harus memenuhi dalam tujuan pendidikan selaras dengan perkembangan dan pembangunan potensi fizikal, kecerdasan intelektual, sosial, emosi dan psikologi pelajar adalah diterima. Penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran boleh membantu kelancaran, keberkesanan dan kecekapan untuk mencapai objektif pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh M. Kafit (2009) telah menunjukkan media merupakan salah satu bahagian sistem pembelajaran yang tidak boleh diabaikan dalam membangunkan sistem pembelajaran yang berjaya.

Salah satu usaha dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti pembelajaran dalam rangka meningkatkan prestasi pelajar di sekolah menengah khususnya pada mata pelajaran teknikal iaitu dengan penggunaan teknologi pengajaran secara berkesan (Azhar Arsyad, 2007; Lee dan Winzenreid, 2009; Ari Prasmono, 2010; Tri Retno, 2010). Dalam mewujudkan satu keadaan pembelajaran yang menyenangkan (*enjoyable learning*), kemampuan untuk melakukan perubahan terhadap pengajaran dengan segala keupayaan yang ada untuk menjadikan sebuah kekuatan pembelajaran

yang menyeluruh adalah merupakan cabaran seorang guru. Hal ini kerana kesenangan dalam pembelajaran yang melibatkan keseluruhan deria turut mengambil peranan secara aktif dalam pembelajaran (Ari Prasmono, 2010). Apabila penggunaan media dilaksanakan dengan tepat dan kreatif, ia akan menjadi medium yang berkesan dalam membangkitkan keseluruhan deria. Parker (2008) dalam kajiannya mendapati pengajaran dengan menggunakan *Information and Communication Technology* (ICT) meningkatkan minat dan perhatian pelajar, menggalakkan maklum balas, menawarkan pengalaman pembelajaran intelektual, membantu perkembangan literasi serta kemahiran berfikir tahap tinggi dalam kalangan pelajar.

Perkembangan media telah berlaku secara sangat cepat, dan membentuk budaya baharu yang ketara dalam pengajaran dan pembelajaran. Budaya baharu ini, secara langsung atau tidak langsung akan mempengaruhi pelajar dalam mengikuti pembelajaran. Ciri-ciri yang paling mendominasi ialah kemunculan komponen budaya deria termasuk melihat, mendengar, merasakan, menyentuh dan meneroka. Bahasa yang digunakan dahulu adalah cenderung untuk mengajar, kemudian berubah menjadi bahasa media yang bersifat memujuk, menggetarkan hati, penuh bergema, irama, cerita-cerita dengan gambar yang di visual. Ini kerana pelajar lebih berminat dengan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat gambar dan audio (Ngainun Naim, 2009).

Menurut Silberman (2006), penggunaan media dalam pengajaran dan pembelajaran akan meningkatkan ingatan pelajar sebanyak 14 peratus hingga 38 peratus. Hasil dapatan kajian juga mendapati masa yang diperlukan untuk menunjukkan satu konsep boleh dikurangkan hingga 40 peratus apabila menggunakan media. Penggunaan media juga boleh membantu guru-guru lebih mudah dalam

menyampaikan pelajaran, penggunaan media juga boleh memberangsang minda pelajar dan penggunaan media juga boleh menciptakan pengajaran dan pembelajaran agar lebih berbeza.

Teknologi maklumat dan komunikasi telah menyumbang kepada terdapatnya revolusi dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan. Niken Ariani (2010) mengisytiharkan semakin berkembangnya maklumat dan teknologi salah satunya ditunjukkan dapat mengoptimalkan pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia. Pembelajaran berasaskan multimedia merupakan satu aktiviti pembelajaran yang menggunakan komputer untuk mencipta dan menggabungkan teks, grafik, audio, imej yang bergerak (video dan animasi) pada masa yang sama. Seterusnya, Rusman (2011) menyatakan peralatan media dalam teknologi multimedia melibatkan penggunaan seluruh deria, hingga daya imaginasi, kreativiti, fantasi dan emosi pelajar terbina ke arah lebih baik.

Pada ketika ini teknologi yang digunakan dalam bidang kejuruteraan komputer menggantikan peranan alat-alat pembentangan yang digunakan pada masa dahulu, salah satunya ialah penggunaan perisian persembahan *PowerPoint* yang dibangunkan oleh *Microsoft Inc. Microsoft Office*, termasuk *Microsoft PowerPoint*, *Microsoft Word*, *Excel*, *Access* dan beberapa program lain. *PowerPoint* merupakan perisian yang membolehkan pembentangan diatur dengan kemas dalam multimedia yang dinamik dan menarik. *PowerPoint* telah digunakan dalam komputer berasaskan sistem operasi *Microsoft Windows* dan *Apple Macintosh* yang menggunakan operasi sistem *Apple Mac OS*, walaupun pada asalnya aplikasi ini beroperasi pada sistem operasi *Xenix* (Rusman *et al.*, 2012).

Dalam penggunaannya sebagai media pembelajaran, *PowerPoint* dimasukkan ke dalam pembelajaran berasaskan multimedia pembentangan. Multimedia pembentangan digunakan untuk menerangkan bahan-bahan yang bersifat teori. Asih (2011) melaporkan aplikasi ini sangat popular dan banyak digunakan oleh banyak pihak, baik profesional, ahli akademik yang berpengalaman mahupun kurang berpengalaman dalam aktiviti pembentangan.

Kelebihan dari media persembahan *PowerPoint* adalah boleh menggabungkan semua elemen seperti teks, video, animasi, imej, grafik dan bunyi menjadi satu persembahan yang menarik. Perisian persembahan *PowerPoint* boleh menyesuaikan dengan pelajar yang mempunyai jenis visual, audio mahupun kinestetik. Dalam perisian *PowerPoint* terdapat menu yang membenarkan pengguna membuat pembentangan yang menarik. Salah satu menu dalam perisian *PowerPoint* iaitu dengan adanya slaid, di mana fungsi slaid tersebut adalah untuk menyampaikan bahan pelajaran kepada pelajar.

Selain dari penggunaan media *PowerPoint*, faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar ialah motivasi belajar. Winkel (1996) mengisytiharkan motivasi merupakan daya penggerak yang membolehkan pelajar untuk melibatkan diri dalam pembelajaran. Dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran, pelbagai usaha telah diambil kira, iaitu dengan meningkatkan motivasi dalam pembelajaran. Menurut Davis (2001), Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan kemahiran yang utama dan juga tema utama dalam era teknologi maklumat, ia juga merupakan salah satu alat penting dalam memotivasikan pelajar. Pelajar-pelajar akan berjaya jika dalam dirinya ada kesediaan dan keinginan untuk melaksanakan pembelajaran, kerana

dengan peningkatan motivasi maka pelajar akan tergerak dalam mengarahkan sikap dan tingkah laku. Selain itu, keadaan yang baik dalam pembelajaran akan menyebabkan pelajar tersebut akan bersemangat dalam mengikuti pembelajaran dan mampu menyelesaikan tugas dengan baik, bertentangan dengan pelajar yang sedang dalam keadaan sakit, ia tidak memiliki semangat dalam melakukan aktiviti pembelajaran (Dimyati dan Mudjiono, 2002).

Daripada beberapa penjelasan, boleh disimpulkan bahawa prestasi pelajar dipengaruhi oleh dua faktor utama, iaitu faktor dalaman dan juga faktor luaran. Faktor dalaman ialah yang terdapat dalam diri individu yang sedang melaksanakan pembelajaran seperti faktor fizikal dan faktor psikologi. Manakala faktor luaran ialah faktor yang ada dari luar individu pelajar seperti, faktor keluarga, faktor sekolah dan faktor masyarakat (Sugihartono *et al.*, 2007). Menurut Muhibbin Syah (2008), menyatakan bahawa prestasi pelajar dipengaruhi oleh tiga faktor, iaitu faktor dalaman, faktor luaran dan faktor pendekatan pembelajaran. Berdasarkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi prestasi pelajar yang telah disebutkan, media persembahan (*PowerPoint*) dan motivasi belajar merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi prestasi pelajar. Ini selaras dengan Anjayani Yulianti (2013) dalam kajiannya yang mendapati bahawa untuk meningkatkan hasil pembelajaran yang baik dalam perkara prestasi mahupun motivasi belajar, maka diperlukan suatu keadaan sekolah yang menyediakan kemudahan lengkap selaras dengan diperlukan oleh pelajar dalam usaha memudahkan dan melancarkan aktiviti pembelajaran.